



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bil 1/2025

BULETIN JSG

Jabatan Sains Gunaan
UiTM Cawangan Pulau Pinang



ISSN 2289-8964



9 772289 896001

Kualiti Akademik Aktiviti Sukan / Riadah

KANDUNGAN

• Dari Meja Koordinator	01
• Sekalung Penghargaan; Jasamu Dikenang, Sumbanganmu Dihargai	02
• Menjulung Amanah, Menyemai Harapan	03

KUALITI

• JSG Menjulung Penyelidikan Mencorak Masa Depan	04-07
• Perundingan & Kepakaran	08-11
• Penulisan & Penerbitan	12-14
• Penyeliaan Pelajar	15-17
• Penyeliaan Industri	18-19
• Pencapaian & Anugerah	20-21
• Anugerah Felo IKM	22
• Inovasi Pengajaran & Pembelajaran	23
• Inovasi Keusahawanan	24

AKADEMIK

• MOU Signing; UiTM - MCE	25-27
• Pengajaran Kolaboratif	28
• Bengkel Perancangan Strategik	29-30
• Bengkel TOT Misi Akademik JSG 2024	31-32
• K2M Zon Utara	33-34
• JSG @ ESKU 2024	35
	36-37

AKTIVITI

• Promosi program akademik Pra Diploma Sains & Pra Diploma Sains STEM Sastera	36-37
• Sinar Kasih 1.0	38-39
• A DAY IN UITM CPP 2024: Mendekatkan UiTM kepada Komuniti Luar Bandar	40-41
• Program Explorasi Ilmu Sempena Hari Kanak-kanak	42
• Ziarah Kasih Ramadan 2024 Pelajar Pra Diploma Sains	43-44
• Lawatan Ilmu Sinar Kasih	45-46
• Free Market 8.0	47
• Kemeriahan Aidilfitri bersama pelajar PPT	48-49

SUKAN/RIADAH

• Team Building @ Batu Kurau	50-51
• Sukan Antara Fakulti UiTM Caw. Pulau Pinang	52-53
• KESUTRA 2024	54-55
• SASPEN 2024	56



K2M Zon Utara 2024

SEBERANG JAYA – 24 Ogos 2024 – Institut Kimia Malaysia Cawangan Utara (IKMNB) telah menganjurkan program Karnival Kimia Malaysia Zon Utara 2024 yang berlangsung di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang. UiTM Cawangan Pulau Pinang merupakan rakan strategik IKMNB turut melibatkan staf Jabatan Sains Gunaan sebagai ahli jawatankuasa program dan pempamer. Pada tahun ini, PM ChM Dr Nor Azyiah telah dilantik sebagai Pengarah program dan ChM Marina sebagai setiausaha program.

Karnival ini bertujuan untuk memupuk minat pelajar terhadap kimia selaras dengan inisiatif kerajaan dalam mempromosikan Sains, Teknologi, Pendidikan Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan memperkenalkan kimia sebagai pemacu utama inovasi dan kreativiti. Karnival pada kali ini juga diharap dapat memupuk kesedaran dan pembudayaan sains merentasi masyarakat dan menggalakkan pemindahan pengetahuan pembelajaran kimia kepada pemegang taruh, seterusnya mempromosikan profesion berkaitan sains, khususnya kimia sebagai kerjaya.

Selain UiTM Cawangan Pulau Pinang, karnival separuh hari ini juga telah bekerjasama dengan beberapa rakan strategik iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (terutamanya Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang), AIMST University, Universiti Sains Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia (Jabatan Kimia Pulau Pinang), NIOSH Pulau Pinang, KHTP Bio Analytical Laboratory Sdn Bhd, Petronas Chemicals Fertilizer Kedah Sdn Bhd (PCFKSB), TDC Holdings Sdn. Bhd, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, YapEIM Pulau Pinang serta beberapa lagi industri & NGO.

Karnival ini telah dirasmikan oleh ChM Marhayani binti Md. Saad, Ketua Pengarah KIMIA Malaysia, merangkap Pendaftar Institut Kimia Malaysia. Turut sama hadir memeriahkan program kali ini ialah Dato' ChM Dr. Hj. Mas Rosemal Hakim bin Mas Haris (Pengerusi, Institut Kimia Malaysia Cawangan Utara), Prof. Madya Dato' DCP(R) Dr. ChM Yew Chong Hooi (Pengerusi, Forensic Science Society Malaysia), Prof. ChM Dr. Kathiresan Sathasivam (Naib Canselor, AIMST University dan Naib Pengerusi, Institut Kimia Malaysia Cawangan Utara), Prof. Ir Dato' Dr Hj Ahmad Rashidy bin Razali (Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang), Encik Shamsul Azhar bin Haban (Wakil TDC Holdings Sdn. Bhd.), Hajjah Norlina Binti Haji Ahmad (Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang) dan Encik Mohamed Rushdan bin Maidin (Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum), Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang).

Majlis perasmian telah diserikan lagi oleh persembahan pesilat-pesilat dari Seni Silat Gerak Ilham termasuk pelbagai aktiviti menarik termasuklah pameran daripada 15 rakan strategik, 5 syarahan berkaitan kimia oleh penceramah jemputan serta pertandingan inovasi peringkat pelajar sekolah. Pada kali ini, sebanyak 20 projek inovasi dari sekolah-sekolah sekitar negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak telah dipertandingkan.

Antara tajuk ceramah yang menarik adalah "Forensic Chemistry in Criminal Investigation" oleh Prof. Madya Dato' DCP(R) Dr. ChM Yew Chong Hooi dan "Chemistry: From Curiosity to Innovation" disampaikan oleh ChM Damien Khoo Yiyuan. Manakala, Prof. Madya ChM Dr. Hjh. Melati binti Khairuddean telah menyampaikan ceramah bertajuk "Natural Product Chemistry For Sustainable Happy Living", manakala ChM Dr. Nor Shifa bin Shuib pula menyampaikan tajuk "Overview of Contaminants in Food". Sesi ceramah pada hari itu diakhiri dengan tajuk "Beyond Laboratories: Skill–Success beyond dream" yang telah disampaikan oleh Dato' ChM Dr. Hj. Mas Rosemal Hakim bin Mas Haris.

Program Karnival Kimia Malaysia Zon Utara pada kali ini telah menerima sumbangan daripada pihak penganjur iaitu TDC Holdings Sdn. Bhd. dan juga Yapeim Pulau Pinang. Pihak TDC Holdings Sdn. Bhd. telah bermurah hati memberi sumbangan sebanyak 216 kotak produk berasaskan madu, Nectarmax dan barangan lain yang bernilai lebih RM 30 ribu sebagai token kepada semua pengunjung yang datang pada hari tersebut.



Hakmilik © 2025 oleh Jabatan Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang,
Penang, MALAYSIA.

Hak cipta adalah terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, disimpan
dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam bentuk atau apa-apa cara, elektronik, mekanik,
fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu, secara bertulis, dari penerbit.
Diterbitkan pada 30 JUN 2025

UNIT PENERBITAN
JABATAN SAINS GUNAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG
PENANG, MALAYSIA

